

## **MINAT DAN SIKAP PELAJAR BACELOR BAHASA ARAB DI IPTA MALAYSIA TERHADAP BAHASA ARAB**

*Ab.Halim Mohamad & Wan Muhamad Wan Sulong*

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan menganalisis hubungan antara minat dan sikap pelajar Bacelor Bahasa Arab terhadap bahasa Arab serta cuba memaparkan sikap dan usaha mereka untuk mempertingkatkan kecekapan bahasa Arab. Responden kajian ini terdiri daripada 130 orang pelajar yang mengambil pengkhususan B.A Bahasa Arab di IPTA seperti UPM, UIAM, UKM, UM dan USIM. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti pelajar mempunyai minat yang tinggi terhadap bahasa Arab, tetapi mereka tidak menunjukkan keselarian antara sikap dan minat. Mereka kurang membaca akhbar Arab, cerpen, dan novel. Mereka juga kurang mendengar berita Arab, dan mengakses maklumat Arab melalui internet. Kajian juga mendapati bahawa responden sangat jarang menulis surat kepada pensyarah tentang sebab-sebab ketidakhadiran kuliah mereka dalam bahasa Arab. Majoriti responden juga kurang berinteraksi dan berkomunikasi dengan pelajar Arab (penutur asli).

**Kata kunci:** minat, sikap, pembelajaran bahasa, kemahiran bahasa, bacelor bahasa Arab

## **INTEREST AND ATTITUDE OF BACHELOR'S ARABIC STUDENTS IN PUBLIC INSTITUTIONS OF HIGHER LEARNING IN MALAYSIA TOWARD ARABIC**

### **ABSTRACT:**

*This study aims to analyze the relationship between interest and attitude among bachelor of Arabic students and trying to show their attitude and efforts in enhancing Arabic language efficiency. The respondents consisted of 130 students taking B.A Arabic specialization in universities such as UPM, IIUM, UKM, UM and USIM. The study found that majority of the students have high interest in Arabic language, but showing incompatible attitude with their interest. They*

*lack reading newspapers, short stories and novels. They are also lack hearing Arabic news and getting Arabic information online. The study also found that respondents very rarely write absent letters to their lecturers in Arabic. Majority of the respondents also lack interacting and communicating with Arab students (native speaker).*

**Key words:** *interest, attitude, language learning, language skill, bachelor of Arabic*

## **PENDAHULUAN**

Kejayaan program pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab tidak terhenti pada kecekapan para guru dan kemantapan kurikulum semata-mata, tetapi sikap dan kepedulian pelajar terhadap bahasa yang dipelajari memainkan peranan yang paling penting. Minat dan sikap merupakan dua perkara yang berbeza. Minat lahir daripada perasaan dalaman yang mungkin boleh mempengaruhi pergerakan dan mengubah sikap seseorang. Sikap pula adalah amalan yang dapat dilihat secara jelas yang lahir atau dipengaruhi oleh faktor dalaman seperti minat dan kecenderungan, kepercayaan, kesedaran, dan cara berfikir. Biasanya sikap dan amalan seseorang mempunyai kaitan yang rapat dengan minat dan kecenderungannya.

Untuk mencapai tahap penguasaan bahasa yang baik, para pelajar sepatutnya menunjukkan sikap yang selari dengan pengkhususan dan minat serta pengkhususan mereka seperti suka membaca akhbar Arab, membaca cerpen, novel Arab, mendengar berita-berita Arab, mengakses maklumat Arab melalui internet, menulis surat kepada pensyarah tentang sebab-sebab ketidakhadiran kuliah mereka dalam bahasa Arab, berinteraksi dan berkomunikasi dengan pelajar Arab (penutur asli). Selain daripada itu, pelajar juga harus mempraktikkan penggunaan bahasa Arab dalam konteks kehidupan mereka sebagai pelajar seperti di dalam bilik kuliah, di luar bilik kuliah, di asrama, di kantin, di perpustakaan dan sebagainya.

Kejayaan sesuatu program pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab umumnya dan nahu khususnya bukanlah semata-mata terletak pada kurikulum, kaedah pengajaran dan kecekapan guru-guru sahaja. Sikap pelajar sama ada positif atau negatif terhadap mata pelajaran yang dipelajari merupakan faktor utama dalam proses pembelajaran dan

pengajaran. Pelajar yang tidak berminat terhadap mata pelajaran yang diajar ditambah pula dengan tujuan pembelajaran yang tidak jelas sudah tentu tidak dapat membuahkan hasil yang positif.

Pelajar yang mempunyai motivasi yang tinggi pasti akan memberi tumpuan yang sepatutnya terhadap sesuatu bahasa yang mereka pelajari. Sebaliknya pelajar yang rendah motivasinya adalah sukar bagi mereka untuk berjaya dalam sesuatu bahasa yang mereka pelajari. Dalam kajian Politzer dinyatakan kelemahan pelajar Amerika yang mempelajari bahasa Perancis dan Sepanyol adalah disebabkan oleh ketiadaan motivasi untuk mempelajari kedua-dua bahasa itu (Rusydi Ahmad Ta'imah, tanpa tarikh: 261). Kajian Politzer itu dan setengah kajian lain pula mendapati bahawa adanya hubungan yang positif antara tahap pencapaian bahasa kedua dengan motivasi yang integrati (*integrative motivation*) (Rusydi Ahmad Ta'imah, tanpa tarikh: 262).

Pembelajaran memerlukan dorongan dalaman dan luaran. Dorongan dalaman lahir daripada keinginan pelajar itu sendiri untuk mempelajari bahasa. Sementara dorongan luaran pula ada kaitan dengan pihak lain seperti pujian, pinjaman biasiswa, peluang pekerjaan dan lain-lain (Rusydi Ahmad Ta'imah, tanpa tarikh: 263).

Kejayaan dalam mempelajari sesuatu bahasa asing atau kedua (termasuklah dalam mempelajari mata pelajaran nahu) adalah hasil daripada tindak balas secara bersepadu di antara tiga faktor utama iaitu guru, pelajar dan program itu sendiri. Menurut Carroll (1977: 7), seseorang pelajar boleh berjaya dalam mempelajari bahasa kedua sekiranya dia mempunyai faktor berikut:

1. Berupaya membezakan bunyi dan perkataan.
2. Berupaya memahami fungsi nahu terhadap berbagai-bagai unsur bahasa.
3. Berupaya memikir secara induktif.
4. Mempunyai motivasi yang tinggi.
5. Mempunyai pandangan yang positif terhadap proses pembelajaran.
6. Mempunyai sifat positif lain seperti berfikiran terbuka, bersedia untuk mem-bentuk persahabatan, bertolak ansur, menghormati kebudayaan orang lain, bantu mambantu dan dapat menerima kritikan.
7. Mempunyai cara pembelajaran yang betul seperti memberi perhatian terhadap fenomena bahasa yang ditemuinya.

Joan Rubin (1975: 50) pula menyatakan bahawa pelajar bahasa yang baik mempunyai 7 sifat, iaitu:

1. Keinginan dan ketepatan dalam meneka makna.
2. Motivasi yang kuat untuk berkomunikasi.
3. Tidak terhalang oleh sesuatu.
4. Memberi perhatian kepada bentuk ayat.
5. Mempraktik dan mencari perbualan
6. Memerhati bahasanya dan bahasa orang lain.
7. Memberi perhatian kepada makna.

Stern (lihat, H. Douglas Brown, 1987: 92) pula menyenaraikan 10 sifat, iaitu:

1. Strategi pembelajaran persendirian yang positif.
2. Pendekatan yang positif terhadap kewajipan pembelajaran.
3. Terbuka dan bertolak ansur terhadap bahasa yang dipelajari serta bersifat simpati terhadap penutur bahasa yang dipelajari.
4. Mengerti teknik bagaimana menguasai bahasa.
5. Strategi percubaan dan perancangan terhadap sasaran kemajuan bahasa baharu, dan meletakkan sasaran itu dalam sistem yang ada serta mengulang kaji sistem itu secara berterusan.
6. Mencari makna secara berterusan.
7. Suka mempraktik.
8. Minat menggunakan bahasa dalam komunikasi yang sebenar.
9. Meneliti diri sendiri dan mengkritik penggunaan bahasa.
10. Mempertingkatkan kemahiran bahasa yang dipelajari yang berlainan sistem dan belajar berfikir melalui bahasa itu.

Sikap pelajar terhadap pelajaran bahasa Arab adalah penting dalam menentukan kejayaan mereka. Kita tidak harus menyalahkan guru dengan pendekatan yang digunakan tanpa mengambil kira sikap pelajar. Salah 'Abd Majid, dalam hal ini menyatakan bahawa banyak kajian yang telah dibuat telah mensabitkan bahawa sesetengah daripada pelajar yang pintar dapat mempelajari bahasa dengan cepat dan fasih walaupun dalam keadaan apa sekalipun. Begitu juga ada kumpulan pelajar yang tidak mempelajari bahasa asing walaupun guru-guru mencuba sedaya upaya menggunakan kaedah yang terbaik dan terkini (Salah 'Abd al-Majid al-'Arabi, 1981: 59). Keberhasilan rancangan pengajaran tidak terletak pada usaha dan kesungguhan pengajar dan kemantapan kurikulum semata-mata, tetapi seperti

terletak pada pelajar. Menurut Abdullah Hassan, kebanyakan rancangan pengajaran dan pembelajaran bahasa berhasil disebabkan oleh kesungguhan pelajar mempelajarinya lebih daripada yang diajarkan secara formal (1987: 653).

Sebagai kesimpulan, menurut Isma' il Sini, pelajar yang baik dari segi kecerdikan, kecergasan dan tindak balasnya dapat memainkan peranan yang besar ke arah kejayaan program pembelajaran. Ini kerana objektif pengajaran untuk mengubah lakuan pelajar atau memperbaikinya. Sekiranya pelajar memberi tindak balas yang baik dan ditambah pula dengan usaha untuk mencapai objektif itu, maka ia akan membawa ke arah kejayaan dan pencapaian objektif itu, walaupun mereka berhadapan dengan suasana pembelajaran yang tidak selesa (1980: 7). Boleh dikatakan bahawa sikap pelajar yang negatif terhadap pelajaran merupakan masalah dan halangan kepada proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, perubahan sikap yang negatif kepada sikap yang positif adalah penting untuk menjamin kejayaan seseorang itu dalam menguasai bahasa Arab.

### **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat hubungan antara tahap ketinggian minat dan kecenderungan pelajar dengan sikap serta aktiviti mereka. Pelajar yang dimaksudkan ialah pelajar program Bachelor Bahasa Arab di Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia (IPTA) seperti, Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Univesiti Malaya (UM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

### **PERMASALAHAN KAJIAN**

Kajian dijalankan untuk mencari jawapan kepada permasalahan seperti berikut:

- i. Adakah semua pelajar yang mengambil jurusan bahasa Arab mempunyai minat yang tinggi terhadap bahasa itu?
- ii. Sejauh manakah minat boleh mempengaruhi sikap dan aktiviti seseorang pelajar terhadap bahasa yang dipelajari?
- iii. Benarkan pelajar yang berminat bahasa Arab mempunyai sikap yang positif terhadap bahasa Arab?

### **METODOLOGI KAJIAN**

Satu kajian telah dijalankan ke atas pensyarah dan pelajar di lima buah universiti tempatan untuk mengkaji sejauh manakah tahap penggunaan

bahasa Arab dalam kalangan pelajar Bachelo Bahasa Arab, faktor dan konteks penggunaan bahasa Arab mereka seharian serta masalah dan halangan yang di hadapi oleh mereka untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab. Lima buah institusi yang terlibat termasuklah Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Malaya (UM).

Kajian ini telah dijalankan bermula 21 September 2005 sehingga 1 Oktober 2005 di institusi berkenaan. Dalam kajian ini, sebanyak 162 set borang soal selidik telah diedarkan oleh penyelidik kepada pelajar yang belajar dalam bidang pengkhususan bahasa Arab di lima buah universiti berkenaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 80.25% atau 130 set sahaja borang telah dikembalikan oleh pelajar berkenaan. Soalan dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu minat 8 soalan, dan sikap 9 soalan.

### **ANALISIS DATA**

Bahagian analisis data ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama berkaitan dengan minat. Bahagian kedua berkaitan dengan sikap, aktiviti dan amalan pelajar. Bahagian pertama bertujuan untuk melihat tahap minat dan kecenderungan pelajar bahasa Arab terhadap bahasa Arab yang merupakan bahasa pengkhususan mereka. Manakala bahagian kedua pula membincangkan sikap dan aktiviti pelajar dalam usaha mereka untuk mempertingkatkan kecekapan bahasa Arab mereka.

### **MINAT PELAJAR TERHADAP BAHASA ARAB**

Sebanyak 8 soalan yang berkaitan dengan minat telah diajukan kepada responden, ia adalah seperti berikut:

1. Minat pelajar terhadap bahasa Arab.
2. Minat terhadap nahu.
3. Minat terhadap saraf.
4. Minat berkomunikasi dalam bahasa Arab.
5. Minat menjadi guru atau pengajar bahasa Arab.
6. Minat untuk memahami al-Qur'an dan hadis.
7. Menghafal syair Arab.
8. Menghafal perumpamaan Arab.

**JADUAL 1: Minat Pelajar Terhadap Bahasa Arab**

<b>Kenyataan</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>
	Bil & F	Bil & F	Bil & F	Bil & F	Bil & F
1. Minat saya terhadap bahasa Arab	42 32.3	60 46.2	24 18.5	2 1.5	2 1.5
2. Minat saya terhadap nahu	31 23.8	46 35.4	43 33.1	7 5.4	3 2.3
3. Minat saya terhadap saraf	23 17.7	47 36.2	50 38.5	6 4.6	4 3.1
4. Minat saya untuk komunikasi dalam bahasa Arab	52 40	52 39.2	19 14.6	6 4.6	2 1.5
5. Minat saya untuk menjadi guru bahasa Arab	46 35.4	37 28.5	34 26.2	11 8.5	2 1.5
6. Minat saya untuk memahami al-Qur'an dan hadis nabi (s.a.w)	84 64.6	31 23.8	8 6.2	4 3.1	3 2.3

1= Sangat Tinggi, 2= Tinggi, 3= Sederhana, 4= Rendah & 5= Sangat Rendah & F= Frekuensi (%)

Jadual 1 di atas memperlihatkan taburan tindak balas 130 responden terhadap enam bentuk soalan yang berkaitan dengan minat mereka terhadap bahasa Arab. Dalam kenyataan 1, majoriti pelajar jurusan bahasa Arab menunjukkan minat yang tinggi terhadap bahasa Arab. Walau bagaimanapun hanya 3 peratus responden sahaja menunjukkan minat yang rendah terhadap bahasa Arab. Bagi kenyataan 2, menunjukkan bahawa 59.2 peratus pelajar jurusan bahasa Arab menunjukkan minat yang tinggi terhadap nahu Arab. Ini menggambarkan kepada kita bahawa nahu bahasa Arab bukan merupakan subjek yang popular. 7.7 peratus pelajar menunjukkan minat yang rendah dan sangat rendah.

Bagi kenyataan 3, menunjukkan bahawa 53.8 peratus pelajar jurusan bahasa Arab menunjukkan minat yang tinggi terhadap nahu saraf. Peratus ini tidak begitu jauh bezanya dengan minat pelajar terhadap nahu. Oleh itu boleh dikatakan bahawa subjek saraf bukanlah subjek yang popular di kalangan pelajar. Bagi kenyataan 4, menunjukkan bahawa 104 atau 79.2 peratus pelajar jurusan bahasa Arab menunjukkan minat yang tinggi untuk berkomunikasi dalam bahasa

Arab. Walau bagaimana pun, 27 atau 20.7 peratus pelajar menunjukkan minat yang sederhana rendah dan rendah.

Bagi kenyataan 5, menunjukkan bahawa 83 atau 63.9 peratus pelajar jurusan bahasa Arab menunjukkan minat yang tinggi untuk menjadi guru bahasa Arab. Manakala 13 orang atau 10 peratus menunjukkan minat yang rendah dan sangat rendah. Bagi kenyataan 6, menunjukkan bahawa 115 orang pelajar atau 88.4 peratus pelajar jurusan bahasa Arab menunjukkan minat dan tujuan yang yang tinggi untuk memahami al-Qur'an dan hadis. Manakala 5.4 peratus responden menunjukkan minat yang rendah dan sangat rendah.

### **Minat menghafal syair dan perupamaan Arab**

Jadual 2 di bawah menunjukkan bahawa 30.8 peratus responden mempunyai minat yang tinggi untuk menghafal syair Arab. Tetapi 49.2 peratus menunjukkan minat yang sederhana, manakala 20 peratus responden menunjukkan minat yang rendah dan sangat rendah. Jadual 2 di bawah juga menunjukkan bahawa 40 peratus responden mempunyai minat yang tinggi untuk menghafal perupamaan Arab. Tetapi 49.2 peratus menunjukkan minat yang sederhana, manakala 10.7 peratus responden menunjukkan minat yang rendah dan sangat rendah.

JADUAL 2: Menghafal Syair dan Perupamaan Arab

Kenyataan	Sangat tinggi		Tinggi		Sederhana		Rendah		Sangat rendah	
	Fre	%	Fre	%	Fre	%	Fre	%	Fre	%
1. Minat menghafal syair Arab	14	10.8	26	20.0	64	49.2	19	14.6	7	5.4
2. Minat menghafal perupamaan Arab	14	10.8	38	29.2	64	49.2	9	6.9	5	3.8

### **Sikap, Aktiviti dan Amalan Pelajar**

Soal selidik juga memuatkan beberapa soalan berkaitan amalan dan aktiviti pelajar untuk melihat sejauh mana usaha mereka untuk mempertingkatkan kecekapan bahasa Arab. Soalan yang berkaitan dengan usaha mempertingkatkan kemahiran bahasa Arab adalah seperti berikut:

1. Membaca akhbar dan majalah Arab.



2. Membaca cerpen Arab.
3. Membaca novel Arab.
4. Mendengar berita dalam bahasa Arab (tv, radio dan lain-lain).
5. Menghadiri seminar (dalam bahasa Arab).
6. Melibatkan diri dalam kokurikulum (debat dan syarahan).
7. Mengakses maklumat bahasa Arab melalui internet atau teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) lain.
8. Mengambil peluang bercakap dengan penutur asli.
9. Berkomunikasi dengan pensyarah melalui surat dalam bahasa Arab.

JADUAL 3: Usaha dan Aktiviti Pelajar Untuk Mempertingkatkan Kecekapan Bahasa Arab

Kenyataan	Ya		Tidak		Tiada respond	
	Fre	%	Fre	%	Fre	%
1. Pernahkah anda membaca akhbar dan majalah Arab?	61	46.9	62	47.7	7	5.4
2. Pernahkah anda membaca cerpen Arab?	74	56.9	55	42.3	1	0.8
3. Pernahkah anda membaca novel Arab?	18	13.8	110	84.6	2	1.5
4. Pernahkah anda mendengar berita bahasa Arab melalui radio TV atau lain-lain?	87	66.9	43	33.1	0	0
5. Pernahkah anda menghadiri seminar bahasa Arab?	86	66.2	41	31.5	3	2.3
6. Pernahkah anda melibatkan diri dengan kokurikulum bahasa Arab seperti debat, syarahan, mukhayyam dan lain-lain?	29	22.3	101	77.7	0	0
7. Pernahkah anda mengakses maklumat bahasa Arab melalui internet dan ICT lain?	67	51.5	62	47.7	1	0.8
8. Pernahkah anda mengambil peluang bercakap dengan penutur asal bahasa Arab (orang Arab)?	67	51.5	60	46.2	3	2.3
9. Pernahkah anda menulis surat kepada ustaz dalam bahasa Arab untuk sesuatu tujuan?	19	14.6	109	83.8	2	1.5

Jadual 3 di atas memperlihatkan taburan tindak balas 130 responden terhadap usaha dan aktiviti mereka dalam usaha untuk mempertingkatkan kecekapan bahasa Arab mereka. Dalam kenyataan 1, menunjukkan bahawa 46.9 peratus responden sahaja pernah membaca akhbar dan majalah Arab. Tetapi hanya seorang responden sahaja yang menyatakan nama akhbar yang dibacanya, iaitu al-Jazirah. 53.1 peratus responden tidak pernah membaca akhbar Arab.

Dalam kenyataan 2, Jadual 3 di atas menunjukkan bahawa 56.9 peratus responden pernah membaca cerpen Arab. Tetapi hanya kurang dari 2 peratus responden yang memberitahu berapa kali setiap semester mereka membacanya. 43.1 peratus responden tidak pernah membaca cerpen Arab. Dalam kenyataan 3, Jadual 3 di atas menunjukkan bahawa 13.8 peratus responden pernah membaca novel Arab. Tetapi tetapi hanya kurang dari 1peratus responden yang memberitahu berapa buah novel yang dibacanya, iaitu kisah *Alfu lailah wa lailah*. Manakala 86.1 peratus responden tidak pernah membaca novel Arab.

Dalam kenyataan 4, Jadual 3 di atas menunjukkan bahawa majoriti responden, iaitu 66.9 peratus pernah mendengar berita Arab. Apabila ditanya kekerapannya, jawapan yang diberikan ialah kadang-kadang, jarang-jarang, dan setiap minggu. Kekerapan responden tidak dikira dalam kajian ini. Manakala 43 peratus responden menyatakan tidak pernah mendengar berita dalam bahasa Arab. Dalam kenyataan 5, majoriti pelajar pernah menghadiri seminar bahasa Arab. Tetapi majoriti mereka tidak menyatakan bilangannya dengan tepat sepanjang pengajian mereka di universiti. Sepanjang pengetahuan pengkaji, sangat jarang diadakan seminar dalam bahasa Arab dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini. Walau terdapat seminar dan wacana pendidikan Islam tetapi kebanyakan sesinya tidak dalam bahasa Arab, dan penyertaan daripada pelajar adalah amat jarang. Walau bagaimanapun pengkaji menerima dapatan ini sekali pun kesahannya diragui.

Bagi kenyataan 6, Jadual 3 di atas menunjukkan bahawa 22.3 peratus responden pernah terlibat dalam kokurikulum bahasa Arab seperti debat, syarahan, pertandingan mengarang, *mukhyyam* dan lain-lain. Manakala 77.7 peratus lagi tidak pernah melibatkan diri dalam kokurikulum bahasa Arab. Bagi kenyataan 7, Jadual 3 di atas menunjukkan bahawa 51.5 peratus responden pernah mengakses maklumat bahasa Arab melalui internet. Manakala 47.7 peratus lagi

menyatakan tidak pernah berbuat demikian. Apabila ditanya kekerapan mereka berbuat demikian dalam seminggu, ada yang mengatakan jarang-jarang, 5 kali, banyak kali, 1-2 kali dan sebagainya.

Bagi kenyataan 8, Jadual 3 di atas menunjukkan bahawa 51.5 peratus responden pernah berkomunikasi dan bercakap dengan penutur asli bahasa Arab yang terdiri daripada pelajar. Tetapi majoriti mereka mengatakan 2 hingga 3 kali setiap semester berbuat demikian. Manakala 60 peratus lagi tidak pernah berbuat demikian. Bagi kenyataan 9, dalam Jadual 3 di atas menunjukkan bahawa 14.6 peratus responden pernah menghantar surat dalam bahasa Arab kepada pensyarah berkaitan dengan sebab-sebab ketidakhadiran mereka dalam kuliah yang diajar oleh pensyarah tersebut. Manakala 84.3 peratus lagi tidak pernah berbuat demikian.

### **Penggunaan Kamus Arab-Arab Atau Arab-Melayu**

Penggunaan kamus Arab-Arab (ekabahasa) dan kamus Arab-Melayu (dwibahasa) juga boleh dikaitkan dengan sikap pelajar terhadap bahasa Arab. Biasanya pelajar yang cemerlang dan ingin memperkayakan perbendaharaan kata, mereka selalu menggunakan kamus Arab-Arab atau kamus ekabahasa. Kajian menunjukkan bahawa 56.9 peratus responden menggunakan kamus Arab-Arab dengan kadar tinggi dan sangat tinggi. Manakala 12.3 peratus menggunakan kamus Arab-Arab dengan kadar yang rendah dan sangat rendah. Jadual 4 di bawah juga menunjukkan bahawa 69 peratus responden menggunakan lebih suka menggunakan kamus Arab-Melayu. Manakala 7.7 peratus menggunakan kamus Arab-Arab dengan kadar yang rendah dan sangat rendah.

JADUAL 4: Penggunaan Kamus Arab-Arab

Kenyataan	Sangat tinggi	Tinggi	Sederhana	Rendah	Sangat rendah
	Fre %	Fre %	Fre %	Fre %	Fre %
1. Penggunaan kamus Arab-Arab	19 14.6	55 42.3	40 30.8	11 8.5	5 3.8
2. Penggunaan kamus Arab-Melayu	24 18.5	66 50.5	30 23.1	7 5.4	3 2.3

### **Penggunaan Bahasa Arab di Dalam dan di Luar Bilik Kuliah, Perpustakaan, Kantin dan Asrama**

Sebanyak 6 soalan yang berkaitan penggunaan bahasa Arab telah diajukan kepada responden yang bertujuan untuk mengetahui sejauh mana mereka menggunakan bahasa Arab dalam konteks kehidupan mereka sebagai pelajar pengkhususan bahasa Arab secara umum, ia adalah seperti berikut:

1. Peratus berkomunikasi dalam bahasa Arab dengan kawan-kawan di dalam bilik kuliah.
2. Peratus berkomunikasi dalam bahasa Arab dengan kawan-kawan di luar bilik kuliah.
3. Peratus berkomunikasi dalam bahasa Arab dengan kawan-kawan di asrama.
4. Peratus berkomunikasi dalam bahasa Arab dengan kawan-kawan di kantin.
5. Peratus berkomunikasi dalam bahasa Arab dengan kawan-kawan di perpustakaan.
6. Peratus berkomunikasi dalam bahasa Arab dengan diri sendiri.

Jadual 5 di bawah menunjukkan bahawa 12.3 peratus responden menggunakan bahasa Arab atau berkomunikasi dalam bahasa Arab dalam bilik kuliah melebihi 50 peratus. Manakala 87.7 peratus menggunakan bahasa Arab kurang dari 50 peratus. Data juga menunjukkan bahawa 28.5 peratus responden menggunakan bahasa Arab dalam bilik kuliah kurang daripada 10 peratus.

Bagi kenyataan 2 pula, Jadual 5 di bawah menunjukkan bahawa 6.2 peratus responden menggunakan bahasa Arab atau berkomunikasi dalam bahasa Arab di luar bilik kuliah melebihi 50 peratus. Manakala 93.8 peratus menggunakan bahasa Arab kurang dari 50 peratus. Data juga menunjukkan bahawa 33.8 peratus responden menggunakan bahasa Arab di luar bilik kuliah kurang daripada 10 peratus.

Bagi kenyataan 3 pula, Jadual 5 di bawah menunjukkan bahawa 5.4 peratus responden menggunakan bahasa Arab atau berkomunikasi dalam bahasa Arab di asrama melebihi 50 peratus. Manakala 84.6 peratus menggunakan bahasa Arab kurang dari 50 peratus. Data juga menunjukkan bahawa 40 peratus responden menggunakan bahasa Arab di asrama kurang daripada 10 peratus. Manakala dalam perkara 4, Jadual 5 di bawah menunjukkan bahawa 3.1 peratus responden

menggunakan bahasa Arab atau berkomunikasi dalam bahasa Arab di kantin melebihi 50 peratus. Manakala 96.9 peratus menggunakan bahasa Arab kurang dari 50 peratus. Data juga menunjukkan bahawa 43.1 peratus responden menggunakan bahasa Arab di kantin kurang daripada 10 peratus.

Bagi perkara 5, Jadual 5 di bawah menunjukkan bahawa 3.1 peratus responden menggunakan bahasa Arab atau berkomunikasi dalam bahasa Arab di perpustakaan melebihi 50 peratus. Manakala 96.9 peratus menggunakan bahasa Arab kurang dari 50 peratus. Data juga menunjukkan bahawa 34.6 peratus responden menggunakan bahasa Arab di perpustakaan kurang daripada 10 peratus. Dalam kenyataan 6, kajian mendapati bahawa 28.4 peratus sahaja responden bercakap dengan dirinya dalam bahasa Arab melebihi 50 peratus. Manakala 47.7 responden 30 menyatakan bahawa mereka berkomunikasi dengan dirinya sendiri dengan kadar kurang daripada 30 peratus masa mereka.

JADUAL 5: Penggunaan bahasa Arab di dalam dan di luar bilik kuliah, di perpustakaan, di kantin, di asrama

<b>Kenyataan</b>	<b>70- 100% Fre %</b>	<b>50- 69% Fre %</b>	<b>30- 49% Fre %</b>	<b>10- 29% Fre %</b>	<b>0- 09% Fre %</b>	<b>Tiada respond Fre %</b>
1. Berkomunikasi dalam bilik kuliah dengan kawan-kawan dalam bahasa Arab	1 0.8	15 11.5	36 27.7	39 30.0	37 28.5	2 1.5
1. Berkomunikasi di luar bilik kuliah dengan kawan-kawan dalam bahasa Arab	0 0.0	8 6.2	30 23.1	44 33.8	44 33.8	4 3.1
3. Berkomunikasi di asrama dengan kawan-kawan dalam bahasa Arab	0 0.0	7 5.4	22 16.9	45 34.6	52 40.0	4 3.1
4. Berkomunikasi di kantin dengan kawan-kawan dalam bahasa Arab.	1 0.8	3 2.3	25 19.2	41 31.5	56 43.1	4 3.1
5. Berkomunikasi di perpustakaan dengan kawan-kawan dalam	0 0.0	4 3.1	30 23.1	46 35.4	45 34.6	5 3.8

bahasa Arab.						
6. Berkomunikasi dengan diri sendiri dalam bahasa Arab	6	18	44	41	17	4
	4.6	13.8	33.8	31.5	13.1	3.1

### **Perasaan dan Sikap Terhadap Penggunaan Bahasa Arab**

Sebanyak 4 soalan yang berkaitan dengan perasaan pelajar terhadap bahasa Arab. Soalan ini diajukan bertujuan untuk mengetahui sejauh mana pelajar merasa bangga terhadap bahasa Arab di samping untuk mengetahui tahap perasaan lain seperti malu dan sebagainya, ia adalah seperti berikut:

1. Perasaan bangga terhadap bahasa Arab.
2. Perasaan malu untuk bercakap.
3. Perasaan kurang keyakinan diri bercakap bahasa Arab
4. Perasaan takut diketawa kawan-kawan.
5. Perasaan takut kesalahan bahasa.

Kajian mendapati bahawa bahawa 86.3 peratus pelajar B.A Bahasa Arab merasa bangga dengan pengkhususan mereka. Manakala 10.8 peratus menyatakan sederhana bangga, dan 3.1 peratus menyatakan rendah dan sangat rendah. Perasaan lain seperti malu, takut dan kurang yakin dapat dilihat melalui Jadual 6 di bawah.

JADUAL 6: Perasaan dan sikap terhadap penggunaan bahasa Arab

<b>Kenyataan</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>	<b>6</b>
	<b>Fre %</b>	<b>Fre %</b>	<b>Fre %</b>	<b>Fre %</b>	<b>%</b>	<b>Fre %</b>
1. Saya malu bercakap Arab	9 6.9	33 25.4	55 42.3	28 21.5	3 2.3	2 1.5
2. Saya kurang yakin bercakap Arab	11 8.5	62 47.7	40 30.8	14 10.8	1 0.8	2 1.5
3. Saya merasa takut diketawakan	8 6.2	40 30.8	45 34.6	32 24.6	3 2.3	2 1.5
4. Saya takut tersilap bahasa	12 9.2	65 50.0	38 29.2	12 9.2	1 0.8	2 1.5

1= Sangat setuju, 2= Setuju, 3= Kurang setuju, 4= Tidak setuju, 5= Tidak pasti, 6= Tiada respond

Jadual 6 di atas menunjukkan bahawa seramai 32.3 peratus responden setuju dan sangat setuju bahawa perasaan malu merupakan sebab halangan untuk mereka tidak mahu menggunakan bahasa Arab dalam

perbualan. Manakala 63.8 peratus kurang setuju dan tidak setuju bahawa perasaan malu merupakan halangan ke arah penggunaan bahasa Arab dalam perbualan mereka. Dalam kenyataan 2, menunjukkan bahawa seramai 56.2 peratus responden setuju dan sangat setuju bahawa perasaan kurang yakin merupakan sebab halangan untuk mereka tidak mahu menggunakan bahasa Arab dalam perbualan. Manakala 41.6 peratus kurang setuju dan tidak setuju bahawa perasaan kurang yakin merupakan halangan ke arah penggunaan bahasa Arab dalam perbualan mereka.

Dalam kenyataan 3, Jadual 6 di atas menunjukkan bahawa seramai 36.9 peratus responden setuju dan sangat setuju bahawa perasaan takut diketawakan merupakan sebab halangan untuk mereka tidak mahu menggunakan bahasa Arab dalam perbualan. Manakala 59.2 peratus kurang setuju dan tidak setuju bahawa perasaan itu merupakan halangan ke arah penggunaan bahasa Arab dalam perbualan mereka. Dalam kenyataan 4, Jadual 6 di atas menunjukkan bahawa seramai 59.2 peratus responden setuju dan sangat setuju bahawa perasaan takut tersilap merupakan sebab halangan untuk mereka tidak mahu menggunakan bahasa Arab dalam perbualan. Manakala 38.4 peratus kurang setuju dan tidak setuju bahawa perasaan malu merupakan halangan ke arah penggunaan bahasa Arab dalam perbualan mereka.

## **KESIMPULAN**

Kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar mempunyai minat yang tinggi terhadap bahasa Arab yang menjadi bahasa pengkhususan mereka. Mereka meminati nahu, saraf dan linguistik Arab. Mereka juga menaruh minat dan harapan yang tinggi untuk berkomunikasi dengan baik dalam bahasa Arab. Majoriti responden berminat menjadi guru bahasa Arab. Selain daripada itu, mereka mempelajari bahasa Arab bertujuan untuk memahami al-Quran dan hadis. Mengikut Mahmud Kamil al-Naqah, ada 27 faktor penting yang mendorong orang-orang Islam mempelajari bahasa Arab, antaranya ialah untuk memahami al-Quran dan hadis, keinginan untuk mengajar bahasa Arab, dan keinginan untuk bercakap dan mendengar berita-berita Arab (Rusydi Ahmad Ta'imah, 1989:82-83).

Kajian mendapati bahawa walaupun minat pelajar terhadap bahasa Arab adalah tinggi, tetapi para pelajar tidak menunjukkan sikap yang selari dengan pengkhususan dan minat mereka. Kajian mendapati

bahawa kurang daripada separuh responden yang suka membaca akhbar Arab, membaca cerpen, novel Arab, mendengar berita-berita Arab, dan mengakses maklumat Arab melalui internet. Kajian juga mendapati bahawa responden sangat jarang menulis surat kepada pensyarah tentang sebab-sebab ketidakhadiran kuliah mereka dalam bahasa Arab. Majoriti responden juga kurang berinteraksi dan berkomunikasi dengan pelajar Arab (penutur asli). Selain daripada itu, peratus penggunaan bahasa Arab di kalangan pelajar sama ada di dalam bilik kuliah, di luar bilik kuliah, di asrama, di kantin, di perpustakaan adalah terlalu kurang nisbahnya. Ini menunjukkan bahawa budaya penggunaan bahasa Arab di kalangan pelajar pengkhususan bahasa masih lagi di tahap yang minima.

Para pelajar juga kurang mempraktik bahasa Arab dalam aktiviti harian mereka. Peratus penggunaan bahasa Arab yang rendah di kalangan pelajar bahasa Arab boleh dikaitkan dengan sifat malu untuk bertutur bahasa Arab, perasaan rendah diri, tidak yakin, takutkan kesalahan, dan takut diketawa kawan-kawan. Sikap seperti inilah yang menjadi halangan kepada mereka untuk mempraktik bahasa Arab dalam kehidupan mereka.

## **RUJUKAN**

- Ab.Halim Mohamad. (2002). Pembelajaran Frasa Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Melayu: Satu Analisis Kesalahan. Tesis Ph.D . Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Abdullah Hassan. (1987). Psikolinguistik dan Sosiolinguistik dalam Pengajaran Bahasa. dlm *Dewan Bahasa*. September 1987, ms. 653.
- al-‘Arabi, Salah ‘Abd al-Majid. (1987). *Ta‘allum al-lughat al-hayyah wa ta‘limuha bayna al-nazariyyah wa al-tatbiq*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- H. Douglas Brown. (1987, 2<sup>nd</sup> ed). *Principles of language learning and teaching*, New jersey: Prentice-Hall.
- J.B Carroll. (1977). Characteristics of successful second language learners, in M.H. Dulay Burt, & M.Finocchioro (eds) *Viewpoints on English as a second language*. New York: Regents Publishing Company.
- Joan Rubin. (1975). What the “good language leaner” can teach us. *TEESOL Quarterly* 9.
- Sini, Mahmud ‘Isma‘il. (1980). *Wasa’il tadrib mu‘allimi al-lughah al-ajnabiyyah wa tatwiriha*. Dalam Mahmud ‘Isma‘il Sini, al-Qasimi dan Ali Muhammad (pnys). *Sijilli al-Ilm li al-Nadwah al-Alamiyyah*



al- Ula li Ta'lim al-Arabiyyah li Ghair al-Natiqina biha. Saudi Arabiya, Riyadh: Universiti UM al-Qura.  
Ta'imah, Rushdi Ahmad. (1989). *Ta'lim al-Arabiyyah li ghair al-natiqina biha: Manahujuhu wu asalibuhu*. Tunisia, Ribath: Al-Munazamah al-Islamiyah li al-Tarbiyah wa al-'Ulum. ISESCO.  
\_\_\_\_\_. (T.tarikh). *al-Marji' fi ta'lim al-lughah al-Arabiyyah li al-natiqina bi lughat 'ukhra*. Saudi Arabia, Riyadh: Jami'ah Umm al-Qura.

*Ab.Halim Mohamad, Ph.D.*  
*Profesor Madya*  
*Jabatan Bahasa Asing*  
*Fakulti Bahasa Moden dan Kominikasi*  
*Universiti Putra Malaysia*  
*43400 Serdang , Selangor, Malaysia.*  
E-mail: abhalim@upm.edu.my

*Wan Muhamad Wan Sulong (Ph.D)*  
*Pensyarah Kanan*  
*Jabatan Bahasa Asing*  
*Fakulti Bahasa Moden dan Kominikasi*  
*Universiti Putra Malaysia*  
*43400 Serdang, Selangor, Malaysia.*  
E-mail: w\_mhd@upm.edu.my